
Reading Guide NOKTAH TERJAHIT

MENYEBAK





CATATAN 1

- 1. Pada pendapat anda, apakah perkaitan antara 'orang lain' dan diri anda sendiri? Apakah yang anda fahami dari analogi 'jendela' dan 'cermin' yang dibawakan pada awal catatan?
- 2. Sudahkah anda menemukan makna diri anda?
- 3. Apakah yang anda fahami dari ayat Surah Al-Hijr?

CATATAN 5

- 1. Apakah pilihan-pilihan yang telah anda buat setakat ini adalah perkara yang anda syukuri atau sesali? Jika ya, mengapa? Jika tidak, mengapa?
- 2. Renungkan ayat dari Surah Al-A'raf bagaimana untuk elakkan diri kita dari termasuk dalam golongan yang lebih buruk dari haiwan ternakan?
- 3. Siapakah yang anda cintai? Bagaimana anda menunjukkan rasa cinta kepada mereka? Adakah rasa cinta itu bertepatan dengan makna sebuah ibadat?
- 4. Perhatikan gambaran yang diberikan oleh ayat Al-Qur'an dalam Surah Saba'. Apakah pengajaran yang dapat anda ambil? Adakah ia berkait dengan topik yang dibawakan dalam bab berkenaan?

CATATAN 2


- 1. Apakah anda pernah merasakan seperti tidak mengenali diri sendiri/ tersilap memahami kehendak diri?
- 2. Apakah falasi yang anda kesali tetapi masih belum dapat dirungkaikan?

CATATAN 4

- 1. Pada pendapat anda, mengapa penulis menggunakan kata kerja 'memburu'?
- 2. Adakah ilmu yang sudah anda perolehi pada hari ini dapat menjaga anda & menjamin kesejahteraan di dunia dan Akhirat?

CATATAN 3

- 1. Apa yang terbayang di fikiran anda apabila membaca baris ayat "hanya untuk melawan hedonisme yang dihulur oleh barat, kita hidangkan alternatif berbeza"?
- 2. Apakah perkaitan antara tulisan penulis dan hadis yang dibentangkan?



CATATAN 1

- 1. Bagaimanakah 'luka' dapat meninggikan nilai diri manusia?
- 2. Setelah meneliti hadis qudsi dalam bab ini, apakah yang anda rasa tentang kasih sayang Allah terhadap hambaNya?
- 3. Apakah yang patut seseorang lakukan agar tidak mempersiakan keampunan dari Allah SWT?

CATATAN 4


- 1. Apakah bentuk kehilangan terbesar yang pernah anda hadapi setakat ini? Apakah pula kehilangan yang ada takuti akan terjadi?
- 2. Bagaimanakah kita dapat membuat persiapan bagi menghadapi kehilangan orang tersayang supaya jika ia benar-benar terjadi, kita tidak akan tenggelam dalam kesedihan?

CATATAN 2

- 1. Adakah anda pernah 'meninggalkan' sesuatu tempat dan memulakan hidup di tempat yang baru? Jika anda menoleh ke belakang, apakah yang anda rasakan?
- 2. Adakah anda pada hari ini lebih baik dari diri anda yang telah anda tinggalkan suatu ketika dahulu? Jika ya, in what sense? Jika tidak, what makes you feel so?
- 3. Apakah anda perlu berhijrah dan meninggalkan orangorang yang anda kasihi tidak lama lagi bagi mengejar sesuatu yang anda idamkan?
- 4. Apa pendapat anda tentang pertemuan dan perpisahan?

CATATAN 3

- 1. Apakah yang anda tahu tentang Sayyidina Husein, cucu Rasulullah SAW dan ketua pemuda syurga, yang terbunuh di Karbala?
- 2. Pernahkah anda merasa tidak mampu berbuat apa-apa lagi untuk mengubah sesuatu keadaan yang tidak baik? Jika ya, bagaimanakah anda melalui situasi tersebut?



CATATAN 1

1. Jika anda boleh melukis kejatuhan yang pernah anda alami, bagaimanakah gambaran lukisan yang akan anda hasilkan?

CATATAN 2

- 1. Berdasarkan kefahaman yang anda dapatkan dari catatan ini, apakah yang menyebabkan manusia mempunyai kedudukan yang sangat istimewa di sisi Ilahi?


 2. Adakah anda merasakan diri
- 2. Adakah anda merasakan diri sendiri mempunyai tujuan hidup yang jelas?

CATATAN 4

- 1. Pernahkah anda merasa seolah-olah berada dalam situasi pasir jerlus yang dijadikan analogi oleh penulis? Atau jika bukan diri sendiri, anda melihat orang lain berada dalam situasi berkenaan? Apakah tindakan yang dapat menyelamatkan seseorang dari terus tenggelam?
- 2. Pada pandangan anda, mengapakah sabda Rasulullah tentang 'dunia ini ibarat musafir yang berteduh di bawah pohon' yang diletakkan di hujung catatan, dapat menjadi 'penawar' terhadap kerancuan rasa?

CATATAN 3

1. Apa pendapat anda tentang kerja hati yang dibawakan oleh penulis? Adakah anda merasakan hati anda sedang menjalankan kerjanya dengan baik?



CATATAN 1


- 1. Apakah pendapat anda tentang maksud kemiskinan yang digarap oleh penulis? Adakah anda bersetuju atau sebaliknya?
- 2. 'Sistem nilai seorang insan' yang diutarakan oleh penulis pada halaman 41, pada hemat anda, adakah anda telah mempunyai sistem nilai berkenaan?
- 3. Apakah yang dapat anda pelajari dari hadis di hujung catatan dalam menanggapi kemodenan hari ini?

CATATAN 2

- 1. Adakah anda seorang peniaga, atau pernah berniaga? Apakah sikap buruk yang anda perhatikan di kalangan peniaga yang anda mahu hindari?
- 2. Bagaimanakah sebuah perniagaan dapat membentuk karakter seorang individu?

CATATAN 3

- 1. Apa pendapat anda terhadap gaya hidup dan penghidupan anda sendiri? Adakah selari dengan ajaran Al-Qur'an dan teladan yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW?
- 2. Renungkan ayat dari Surah Al-Qasas tersebut, dapatkah anda mencari perkaitannya dengan kehidupan anda sendiri?



CATATAN 1

1. Adakah anda bersetuju bahawa kebenaran adalah sesuatu yang bersifat universal? Jika ya, mengapa ia universifal? Jika tidak, mengapa anda tidak bersetuju?

CATATAN 4

 Apakah yang membuat seseorang berhak dianggap dewasa? Adakah cukup dengan pertambahan usia?
 Adakah anda rasa diri anda sudah dewasa?

CATATAN 2

1. Apakah hak anda yang perlu dipenuhi oleh orang lain, dan tanggungjawab yang perlu anda penuhi terhadap orang lain? Adakah kedua-duanya seimbang dalam hidup anda? Atau adakah anda lebih banyak mengharap agar hak anda dipenuhi tanpa memerhatikan tanggungjawab anda sendiri?

CATATAN 3

1. Adakah anda rasa diri anda bebas? Jika tidak, apa yang memerangkap diri anda?



WARKAH 1

Apakah ciri-ciri seorang perempuan yang dibawakan dalam warkah pertama Kakanda kepada adinda? Apakah pandangan anda terhadap setiap ciri berkenaan?

WARKAH 2

Benarkah kesunyian adalah musuh paling berbahaya bagi seorang insan, terutamanya perempuan?

Jika ya, mengapa? Jika tidak, mengapa?

WARKAH 6

1. Jika anda seorang perempuan, apakah ertinya menjadi perempuan buat diri anda?

Jika anda seorang lelaki, apakah ertinya seorang perempuan bagi lelaki seperti diri anda?

WARKAH 3

Apakah makna 'cinta' bagi diri anda? Apakah yang membuatkan sesebuah cinta menjadi agung?

WARKAH 4

Apakah perasaan yang anda rasai selepas membaca warkah keempat? Pada pendapat anda. mengapakah 'Kanda' berjanji untuk bangkit kembali demi wanita-wanita yang tertindas di sekelilingnya?

WARKAH 5

Perhatikan perenggan pada halaman 123. Jika segala kemahuan kita dimakbulkan, adakah kita akan bahagia dan gembira? Sejauh manakah anda jelas dengan apa yang anda mahukan?

WARKAH 7

Apakah yang dapat anda pelajari dari perjalanan 'Kanda'?

WARKAH 8

Berdasarkan warkah terakhir ini, apakah yang dapat anda simpulkan sebagai jawapan kepada persoalan sekuat apakah hati perempuan?



Adakah anda perasan bahawa gabungan lukisan pada setiap bab akhirnya membentuk sebuah lukisan yang penuh di halaman terakhir? Apakah hikmah yang boleh anda dapatkan dari hal ini?

Jot down your thoughts down below:)

